

06 JUN 2003

Kasino

LAPORAN POLIS DIBUAT BERHUBUNG PAHANG DARUL KASINO

KUANTAN, 6 Jun (Bernama) -- Seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai individu yang bertanggungjawab membuat laporan polis di sini hari ini mengenai penerbitan poster bertajuk "Satu lagi projek kerajaan Barisan Nasional dan Pahang Darul Kasino" yang ditampal di sebuah masjid di sini.

Rasmadi Omar, 40, membuat laporan itu di Balai Polis Daerah Kuantan pada pukul 10.30 pagi, diiringi Ketua Umno Bahagian Paya Besar Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman.

"Saya mendapati poster itu mengandungi fakta yang salah dan boleh menghasut," katanya.

Dalam laporan polis itu, Rasmadi berkata beliau menemui poster berkenaan ditampal pada papan kenyataan Masjid Al Mutakin, Tanah Putih Baru.

Ahmad Tajuddin memberitahu pemberita bahawa mereka menganggap poster itu memberi gelaran buruk terhadap negeri Pahang Darul Makmur.

"Ia satu perbuatan biadap dan menghina pemerintah dan membangkitkan kemarahan seluruh rakyat negeri Pahang dan Lebih buruk lagi apabila institusi masjid diheret bersama dengan kegiatan ini," katanya.

Sementara itu Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob ketika diminta mengulas mengenai perkara itu berkata beliau tidak menentang laporan polis itu dibuat.

"Saya selaku pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, saya tidaklah tidak menyokong... mereka ada sebab tertentu membuat laporan itu," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis pemimpin bersama pelajar di Kolej Universiti Kejuruteraan Malaysia (Kuktem), di sini.

Isu Pahang Darul Kasino sebelum ini pernah dibangkitkan oleh akhbar rasmi PAS, Harakah, terbitan bulan Mei lepas bertajuk; "Pahang Darul Kasino?", bagaimanapun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menafikan kononnya kerajaan telah meluluskan lesen kasino kepada pemaju di kawasan peranginan Bukit Tinggi, Pahang.

-- BERNAMA

MS RON